

16.6.2026

Siaran Media 2: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-26 PBA Holdings Bhd (PBAHB)

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

### **SIAPAKAH YANG TERIMA MANFAAT LEBIH BESAR DARIPADA KEUNTUNGAN PBAPP DAN PBAHB?**

- **Keuntungan selepas cukai (PAT) 2024: RM144.17 juta. Pelaburan semula untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang pada tahun 2025: RM72.67 juta (50%).**
- **PAT 2025: RM114.55 juta. Peruntukan pelaburan semula untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang pada tahun 2026: RM99.55 juta (87%).**

PULAU PINANG, Selasa, 16.6.2026: Pada tahun 2025, PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah melaburkan kira-kira 50% daripada keuntungan selepas cukai (PAT) tahun 2024 sebanyak RM144.17 juta ke dalam projek-projek bekalan air di Pulau Pinang.

Pada tahun 2026, PBAHB memperuntukkan kira-kira 87% daripada PAT tahun 2025 sebanyak RM114.55 juta sebagai perbelanjaan modal (CAPEX) untuk projek-projek bekalan air demi manfaat negeri Pulau Pinang.

**Fakta dan angka ini menunjukkan bahawa 721,066 pengguna air di Pulau Pinang merupakan penerima manfaat utama daripada PAT tahunan PBAHB, yang sebahagian besarnya dijana daripada jualan air serta penyediaan perkhidmatan berkaitan bekalan air oleh PBAPP.**

Sebagai perbandingan, jumlah dividen yang akan dibayar oleh PBAHB kepada pemegang saham bagi tahun kewangan 2025 ialah RM16.55 juta, atau 14.45% daripada PAT tahun 2025.

Untuk makluman, PBAPP dan PBAHB merupakan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC Negeri). Pemegang saham terbesar PBAHB ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSP), sebuah entiti Kerajaan Negeri yang memegang 55% daripada 330.993 juta saham syarikat.

Pengerusi PBAPP dan PBAHB ialah YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Pengarah-pengarah bukan eksekutif lain termasuk YB Dato' Dr Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri I (TKM I), YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh (TKM II) dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri YB Tuan Zairil Khir

Johari.

YAB Tuan Chow dan anggota Lembaga Pengarah yang lain tidak memiliki sebarang saham dalam PBAHB. Oleh itu, dividen tahunan yang diterima oleh SSP turut disalurkan kembali kepada rakyat Pulau Pinang melalui pembiayaan projek-projek pembangunan negeri.

### **Projek untuk Masa Hadapan**

Menjelang tahun 2030, PBAPP akan melabur RM659.3 juta untuk menyiapkan dua loji rawatan air (LRA) baharu, manakala dua lagi LRA akan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) di Seberang Perai dengan anggaran kos RM1.023 bilion. Loji-loji baharu di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) ini akan meningkatkan kapasiti reka bentuk maksimum rawatan air PBAPP sebanyak 478 juta liter sehari (JLH).

PBAPP juga akan membuat pelaburan tambahan RM416 juta untuk pemasangan dua saluran paip baharu WCP 2030 bagi menyalurkan lebih banyak air terawat dari LRA Sungai Dua ke bahagian pulau, Pulau Pinang.

Pulau Pinang beraspirasi untuk menjadi “sebuah negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara.” Pada tahun 2026, pelbagai pembangunan sosioekonomi utama sedang dilaksanakan atau dirancang untuk menyokong visi Penang2030, termasuk:

- Projek kilang oleh Intel, Osram, Siliconware Precision dan Western Digital;
- Projek pembangunan hartanah berskala besar oleh E&O Berhad, Hunza Properties dan PLB Land;
- Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3), 5,000 unit rumah baharu PERDA di Seberang Perai Utara (SPU), pembangunan Linear Waterfront oleh PDC di Bayan Lepas, Silicon Island A serta sekurang-kurangnya enam projek pembangunan hartanah lain di Seberang Perai.

Kesemua kilang, taman perindustrian, premis perniagaan, premis runcit dan kediaman baharu ini memerlukan sokongan bekalan air yang mencukupi.

Penggunaan air di Pulau Pinang ialah 865 juta liter sehari (JLH) pada tahun 2025 dan dijangka meningkat sebanyak 34.3% kepada kira-kira 1,162 MLD menjelang 2032. Inilah sebab utama PBAPP perlu melaksanakan projek-projek WCP 2030 dengan nilai anggaran RM1.075 bilion (tidak termasuk dua LRA di bawah PAAB) dalam tempoh lima hingga enam tahun akan datang

## Program Sukuk RM5 Bilion

Keuntungan tahunan PBAPP dan PBAHB sahaja tidak mencukupi untuk membiayai projek-projek infrastruktur air yang amat diperlukan oleh Pulau Pinang menjelang tahun 2030.

Sehubungan itu, PBAPP telah julung kali melancarkan program sukuk bernilai RM5.0 bilion, yang disokong oleh penarafan “AAA/Stable” daripada RAM Rating, agensi penarafan kredit sukuk terkemuka di Malaysia.

Program sukuk ini menyediakan pembiayaan pelengkap bagi projek-projek WCP 2030. Ia juga memastikan PBAPP mempunyai peruntukan CAPEX yang mencukupi untuk projek-projek air lain serta keupayaan kewangan yang kukuh untuk menampung perbelanjaan operasi (OPEX) bagi mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang dalam era perubahan iklim dan ketidakpastian ekonomi global.

Dalam perancangan jangka panjang, PBAPP mesti memastikan bekalan air tidak terputus menjelang tahun 2030 walau apa jua cabarannya, ketika Pulau Pinang terus melangkah menuju masa depan yang lebih cerah.

## Pulau Pinang Penerima Manfaat Utama

Oleh yang demikian, rakyat yang tinggal di Pulau Pinang serta perniagaan yang beroperasi di negeri ini merupakan penerima manfaat utama daripada keuntungan tahunan PBAPP dan PBAHB. Sebahagian besar keuntungan tersebut dilaburkan semula sebagai CAPEX untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang demi manfaat negeri dan rakyatnya.

Terima kasih

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
E-mel : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)